



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 17 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN PERKASA OKU, TIADA YANG TERTINGGAL - NANCY SHUKRI		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2491491	BERNAMA.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/16/det-fahami-isu-ketidakupayaan-oku-sikap-struktur-dan-persekitaran-tidak-responsif	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2491378	BERNAMA.COM	
	https://www.theborneopost.com/2025/11/16/nearly-1000-pwd-join-workforce-through-job-coach-service-programme-nationwide-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://suarasarakawak.my/976-oku-dapat-pekerjaan-melalui-program-perkhidmatan-job-coach/	SUARASARAWAK.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/nancy-shukri-champions-equal-opportunities-for-persons-with-disabilities/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PRN SABAH: MENTERI ZAHIR KEBIMBANGAN PENGGUNAAN KANAK-KANAK DALAM KEMPEN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1472454/prn-sabah-menteri-zahir-keimbangan-penggunaan-kanak-kanak-dalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://suarasarakawak.my/parti-politik-diingat-tidak-eksploitasi-kanak-kanak-untuk-kempen/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/11/16/report-digital-child-exploitation-in-elections-to-mcmc-says-minister/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.bernama.com/bm/politik/news.php?id=2491358	BERNAMA.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/16/penggunaan-kanak-kanak-dalam-pilihan-roya-dipandang-serius	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115658/minister-warns-against-exploitation-of-children-in-sabah-election-campaigns	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/16/report-digital-child-exploitation-in-elections-to-mcmc-says-minister/198597	MALAYMAIL.COM	POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/16/sabah-polls-do-not-use-children-for-political-content-says-nancy-shukri	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php/news.php?id=2491490	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1288413/prn-sabah-menteri-zahir-keimbangan-penggunaan-kanak-kanak-dalam-kempen	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/politics/children-should-not-be-used-as-political-content/	THESUN.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/16/parti-bertanding-prn-sabah-diingatkan-tidak-mengeksploitasi-kanak-kanak-dalam-kempen/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=GoK6E1ldQKc	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	NANCY: REPAIR WORKS ON COLLAPSED TELAGA AIR JETTY TO TAKE FIVE MONTHS		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/11/16/nancy-repair-works-on-collapsed-telaga-air-jetty-to-take-five-months/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/16/percepatkan-kerja-baik-pulih-jeti-pontoon-esplanade-telaga-air/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/kerja-pembaikan-jeti-pontun-telaga-air-dimulakan-segera-siap-dalam-lima-bulan/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	NORAINI HARGAI SOKONGAN KEPIMPINAN, CALON WANITA ADA KEKUATAN TERSENDIRI		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/11/16/noraini-hargai-sokongan-kepimpinan-calon-wanita-ada-kekuatan-tersendiri/	UMMO-ONLINE.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SUAMI ISTERI MAUT, BAYI TERSELAMAT KEMALANGAN TIGA KENDERAAN		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/16/suami-isteri-maut-bayi-terselemat-kemalangan-tiga-kenderaan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1472525/suami-isteri-maut-bayi-cedera-kemalangan-3-kenderaan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756900/berita/semasa/suami-isteri-maut-bayi-6-bulan-cedera-kereta-bertembung-lori	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1288460/suami-isteri-maut-bayi-cedera-nahas-3-kenderaan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2491470	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/16/suami-isteri-maut-bayi-6-bulan-cedera-nahas-di-kota-tinggi	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/16/suami-isteri-maut-bayi-terselemat-kemalangan-dengan-lori-sawit/	TVSARAWAK.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/11/16/video-suami-isteri-maut-bayi-6-bulan-cedera-nahas-di-kota-tinggi	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/33f5V6FIVYE	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LELAKI DITAHAN CUBA LAKUKAN AMANG SEKSUAL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-ditahan-cuba-lakukan-amang-seksual-anak-tiri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/16/lelaki-melakukan-amang-seksual-terhadap-anak-tiri-ditahan	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://utusansarawak.com.my/bapa-tiri-ditahan-atas-kes-amang-seksual-terhadap-anak-tiri-di-roban/	UTUSANSARAWAK.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TINDAKAN PANTAS GURU SELAMATKAN 50 KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1288386/tindakan-pantas-guru-selamatkan-50-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram TikTok



TAJUK :	EQUAL OPPORTUNITIES VITAL FOR PEOPLE WITH DISABILITIES, SAYS MINISTER		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	17 NOVEMBER 2025	M/SURAT :	01&02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Nancy having a chat with the seminar speaker Syed Mawardi Syed Mohamad Mustar after officiating at the event. On the minister's left is Norhayati...

Nancy: Madani Government remains committed to empowering the PwD community

Nancy also stressed the importance of having strategic collaboration among ministries, government agencies, employers, non-governmental organisations (NGOs), communities and families towards building an inclusive society where PwDs would have equal access to education, training, employment, healthcare and entrepreneurship opportunities. The Madani Government remains committed to empowering the PwD community. The 2025 Budget allocates nearly RM14 billion for PwD support covering core assistance, disability work allowances (DRA) and the EPOKU. She added. Also present were Nancy's political secretary Mohd Kamaluddin Mohd Effendi, Sarawak Welfare Department deputy director Norhayati Abdul Rahman, Baki Institute Sarawak director Edmund Shab Tambi, and representatives of the Department for the Development of Persons with Disabilities, Dr Yuenita Ibrahim.

Equal opportunities vital for people with disabilities, says minister

SANTUBONG: A total of 978 individuals with disabilities (PwD) nationwide have successfully joined the workforce through the Job Coach Services Programme (PPJCS) collaborating with 664 employers across Malaysia. According to Women, Family and Community Development Minister Datin Seri Nancy Shukri, the PPJCS acts as a vital bridge, providing PwDs with professional support to access meaningful employment opportunities. In Sarawak alone as of October 2024, a total of 3,477 recipients have benefited from the Persons with Disabilities Workers Allowance (EPDKU) involving RM10.9 million. This RM460 monthly allowance provides significant assistance for low-income PwD workers, she said when officiating at the Disability Equality Training (DET) Seminar and PPJCS 2025 at the Annuaddin Baki Institute Sarawak here yesterday. The Santubong MP also noted that despite its benefits, the uptake of Job Coach services remained low due to limited awareness. "Today is an important platform to introduce professional support that can genuinely transform their future," she said. Nancy also revealed that from 2020 to last year, a total of 7,428 participants had undergone DET. "Disability Equality Training allows us to understand disability issues through the Social Model perspective, that the real challenges do not lie with the PwD individual, but with unresponsive attitudes, structures and environments. "When we change the way we see, we change the way we act," she said.

» Turn to Page 8, Del

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DET BUKAN SEKADAR MEMAHAMI ISU KETIDAKUPAYAAN OKU

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 17 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

DET bukan sekadar memahami isu ketidakupayaan OKU

SANTUBONG: Disability Equality Training (DET) bukan sekadar memahami isu ketidakupayaan orang kurang upaya (OKU) tetapi pada sikap, struktur dan persekitaran yang tidak responsif, kata Dato Sri Nancy Shukri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu berkata, masyarakat kini harus mengubah bukan sahaja cara melihat sebaliknya merangkumi cara bertindak dalam menyantuni golongan istimewa ini.

"Dari 2010 hingga 2024 seramai 7,426 peserta telah mengikuti DET dan sasaran perluasan program ini menunjukkan betapa pentingnya membina masyarakat yang lebih peka, inklusif dan bersedia merancang intervensi yang lebih berkesan," kata Nancy.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena perasmian Seminar Disability Equality Training (DET) serta Program Perkhidmatan Job Coach 2025 yang diadakan di Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak di Santubong semalam.

Hadir sama pada program anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya itu ialah Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Norhayati Abdul Rahman, Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak Edmund Shah Tambi, wakil

Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya Dr Yusnita Ibrahim serta tetamu jemputan lain.

"Saya difahamkan seminar DET telah dianjurkan di lima negeri tahun ini termasuk di Sarawak. Ini menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan kefahaman tentang ketidakupayaan terus diperkukuh hingga ke peringkat akar umbi.

Tegas beliau, program Perkhidmatan Job Coach pula menjadi jambatan penting supaya OKU dapat memasuki dunia pekerjaan dengan sokongan yang betul.

"Sehingga kini, sejumlah 976 OKU telah dibimbing dan telah bekerja dengan 664 majikan di seluruh negara...ini satu pencapaian yang wajar kita banggakan," katanya.

Di Sarawak setakat Oktober ini ujar Nancy, sebanyak 3,477 penerima menerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) melibatkan RM15.28 juta dengan setiap mereka menerima elaun RM450.

Begitupun kata Nancy, kadar penggunaan perkhidmatan Job Coach masih rendah kerana kurang pendedahan.

"Untuk memupuk masyarakat inklusif, semua pihak perlu bergandingan dari peringkat kementerian, agensi kerajaan, majikan, NGO, komuniti dan keluarga.

"Kita berpendapat bahawa setiap individu OKU

berhak menikmati peluang pendidikan, latihan, pekerjaan, kesihatan dan keusahawanan seperti orang lain.

Tambahnya, kerajaan MADANI terus komited memperkasa OKU dan pada Belanjawan 2026 dengan memperuntukkan hampir RM1.4 bilion untuk bantuan OKU merangkumi bantuan penjagaan, elaun ketidakupayaan bekerja dan Elaun Pekerja OKU.

"Di samping itu, terdapat Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGP-OKU) membantu OKU memulakan dan mengembangkan perniagaan," katanya sambil menambah, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar OKU di IPT di negara ini.

"Ini secara tidak langsung menggambarkan pendekatan menyeluruh kerajaan dari pendidikan hingga pekerjaan, dari bantuan asas hingga peluang berdikari.

"Saya berharap semua peserta hari ini memperoleh ilmu baharu dan membawa pulang semangat untuk memperkukuh ekosistem sokongan OKU di komuniti masing-masing," katanya.

Sehubungan itu, Nancy menghargai penyertaan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Tenaga Kerja (JKT), PERKESO, NGO, institusi pendidikan dan PPDK yang menjadi rakan kolaboratif utama program kali ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'REPORT DIGITAL CHILD EXPLOITATION IN ELECTIONS TO MCMC'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 17 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

'Report digital child exploitation in elections to MCMC'



Kentigern Minggu

kentigern@theborneopost.com

SANTUBONG: Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, has urged the public to report any instances of children being exploited for electoral campaigning to the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

Speaking after officiating at the Disability Equality Training (DET) Seminar and the 2025 Job Coach Service Programme (PPJC) at the Aminuddin Baki Institute Sarawak here yesterday, the Santubong MP stressed that parents played a key role in preventing such exploitation.

"If they do not permit it, such exploitation would not occur.

"My message to parents is clear - do not allow this, and those responsible must remind themselves that children are not to be exploited," said Nancy, whose remarks was made in connection with media reports linking electoral sentiment in the Sabah state election to public perceptions of justice in the case of 13-year-old Zara Qairina Mahathir, said to have suffered bullying, neglect, and sexual harassment before her tragic death.

Senior lecturer at Universiti Malaysia Sabah, Dr Romzi Ationg, noted that such cases could influence voters' behaviours.

When asked if such exploitation should be reported to the Election Commission



Nancy (left) being greeted by Welfare Department Sarawak deputy director Norhayati Abdul Rahman upon arrival at the Aminuddin Baki Institute Sarawak.

(EC), Nancy clarified that while the commission had its own responsibilities, digital-related cases should be reported directly to MCMC.

"Ideally, the EC could report these matters to MCMC, but we understand that the EC currently has extensive duties.

"It would be unfair to burden them further, so the public can report directly to MCMC. We have clarified that this is a local issue," she pointed out.

Separately, Nancy highlighted that the Child Advocacy

Programme under her ministry would now cover topics on artificial intelligence (AI) and natural intelligence (NI).

"We want children to understand that they are the natural intelligence.

"They need to realise they are in control, rather than being controlled by AI.

"Children often engage with games that encourage actions modelled within those games, and we do not want them to emulate such behaviour in real life," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : USAH PERGUNA KANAK-KANAK UNTUK PROPAGANDA POLITIK: MENTERI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Usah perguna kanak-kanak untuk propaganda politik: Menteri

Kuching: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kanak-Kanak, Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan kebimbangan terhadap penggunaan kanak-kanak dalam kempen Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN-17) Sabah.

Beliau berkata, pihaknya bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berulag kali mengingatkan semua pihak agar tidak menjadikan kanak-kanak sebagai bahan kandungan atau alat propaganda politik.

Katanya, ibu bapa juga harus memainkan peranan paling penting kerana eksp-

loitasi tidak akan berlaku jika mereka tidak memberi kebenaran kepada anak masing-masing untuk terbahit dalam aktiviti kempen.

"Terdapat situasi di mana kanak-kanak bukan saja muncul dalam kandungan politik, malah diajar untuk mengkritik atau mengutuk parti tertentu, ini sesuatu yang tidak wajar.

"Sepatutnya kanak-kanak diberi didikan yang lebih positif dan sebab itu jangan mereka dari awal didedahkan dengan perkara yang negatif terutama sekali mengambil bahagian dalam perkara seperti kempen pilihan raya," katanya ketika

ditemui selepas merasmikan Seminar Disability Equality Training (DET) dan Program Perkhidmatan Job Coach 2025 di sini, semalam.

Nancy berkata, kanak-kanak sepatutnya diberikan pendedahan positif dan tidak didedahkan kepada unsur negatif terutama berkaitan politik pada usia yang begitu awal.

"Kita perlu fikir masa depan mereka. Apa-apa tindakan atau kenyataan yang dibuat ketika kecil boleh meninggalkan kesan sehingga dewasa," katanya.

Mengenai isu Allahyarhamah Zara Qairina yang te-

rus menjadi perdebatan di media sosial, Nancy berkata, eksploitasi kes berkenaan sebagai alat kempen adalah contoh budaya politik tidak sihat yang harus dielakkan.

Katanya, eksploitasi kanak-kanak dalam kempen boleh dilapor kepada MCMC, yang kemudian akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan undang-undang.

Ditanya mengenai peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), beliau menjelaskan bidang kuasa suruhanjaya itu berbeza, namun tidak menolak kemungkinan laporan turut boleh di-

buat jika membabitkan elemen yang berkaitan.

Sementara itu, mengenai program advokasi perlindungan kanak-kanak di bawah kementeriannya, Nancy berkata ia sedang diteruskan dengan penekanan baharu terhadap pendidikan mengenai kecerdasan buatan (AI).

Beliau berkata, kanak-kanak perlu diajar memahami bahawa mereka mengawal teknologi, bukannya dikawal oleh AI, terutama ketika trend permainan digital semakin mempengaruhi tingkah laku generasi muda.

Beliau menjelaskan prog-

ram itu turut diperkuh dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia bagi memperbaiki kandungan serta pendekatan penyampaian supaya lebih efektif dan relevan dengan cabaran semasa.

"Ibu bapa juga perlu dibabitkan secara lebih menyeluruh kerana penyertaan mereka masih rendah dalam beberapa program yang dijalankan," katanya.

Nancy berkata setakat ini, program Kasih Kanak-Kanak dilaksanakan di 327 sekolah di seluruh negara, membabitkan sejumlah 128,148 murid, sekali gus melepasi sasaran awal 300 sekolah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENGGUNAAN KANAK-KANAK DALAM PILIHAN RAYA DIPANDANG SERIUS

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 17 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Penggunaan kanak-kanak dalam pilihan raya dipandang serius

MCMC diminta pantau rapi perkembangan tidak sihat ini terutama ketika ini PRN Sabah sedang berlangsung

Oleh Frankie Junau

SANTUBONG: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius penggunaan kanak-kanak dalam pilihan raya di negara ini.

Menyifatkan ia sebagai satu bentuk eksploitasi yang serius, Menteri Dato Sri Nancy Shukri mahu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memantau rapi perkembangan tidak sihat ini terutama ketika ini Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah sedang berlangsung.

"Sedari awal saya telah meminta MCMC segera memantau sebarang penggunaan atau keterlibatan kanak-kanak dalam sebarang aktiviti kempen termasuk dalam media sosial hari ini ketika PRN Sabah sedang berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas perasmian Seminar Disability Equality Training (DET) dan Program Perkhidmatan Job Coach 2025 di Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak di Santubong semalam.

Katanya, MCMC sentiasa komited dalam memastikan tidak berlaku sebarang pelanggaran membabitkan penyertaan kanak-kanak bawah umur kerana ia adalah eksploitasi.

"Jadi pesan saya kepada semua ibu bapa supaya tidak membenarkan anak-anak dalam sebarang aktiviti kempen parti politik kerajaan, pembangkang mahupun Bebas," tegasnya.

Katanya, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) negeri boleh melaporkan terus kepada MCMC kerana ia di bawah tanggungjawab kedua-dua pihak itu dan kementerianya bertindak sebagai pemerhati jika berlaku pelanggaran pengeksploitasi kanak-kanak sepanjang tempoh kempen PRN Sabah.

"Sebab itu kita tidak menghantar jentera kempen ke Sabah kerana tidak mahu terlibat sebarang isu sensitif



APAKHBAR?: Nancy menyantuni salah seorang OKU yang hadir pada program Seminar Disability Equality Training (DET) serta Program Perkhidmatan Job Coach 2025 yang diadakan di Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak di Santubong semalam.

“Sedari awal saya telah meminta MCMC segera memantau sebarang penggunaan atau keterlibatan kanak-kanak dalam sebarang aktiviti kempen termasuk dalam media sosial hari ini ketika PRN Sabah sedang berlaku.”

Dato Sri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

dan terjawab isu tidak perlu," katanya.

Nancy juga berharap agar isu kematian penuh misteri arwah Zara Qairina Mahathir tidak dijaja sepanjang kempen di Sabah.

"Sepatutnya kita menghormati pemergian arwah Zara dan biarlah dia tenang di alam sana... Janganlah kematiannya dijadikan bahan kempen," katanya.

Mengulas isu jeti Telaga Air yang usang, Nancy menyatakan bahawa beliau telah mengadakan perbincangan bersama pakar yang akan memberi laporan kerosakan dalam masa terdekat.

"Saya memandang serius

isu ini... kepada pihak terbabit harus ada rasa empati terhadap orang yang menjadi pengguna kepada jeti itu.

"Sebab ini bukan kali pertama berlaku...maka kita mahu supaya diperbaiki atau pun dibuat yang baharu.

"Tadi kita difahamkan ia boleh diperbaiki dengan mengangkat tangga besi supaya boleh digunakan oleh penduduk kampung sekitar antaranya dari Kampung Sibul Laut, Kampung Sungai Aur dan Kampung Sungai Mersan," katanya.

Beliau berharap agar peruntukan di tempat lain sebanyak RM200,000 boleh dialih bagi mengatasi jeti

rosak di Telaga Air.

"Saya mahu laporan lengkap supaya boleh diaju kepada jawatankuasa Bencana Negeri serta pengetahuan Timbalan Perdana Menteri II Datuk Amar Fadillah Yusof untuk jalan penyelesaian segera," katanya.

Pada sidang media sama, Nancy turut memberi penekanan kepada program advokasi kanak-kanak dengan memasukkan kecerdasan buatan (AI) agar anak-anak tidak dikawal oleh teknologi itu.

"Kita tidak mahu kanak-kanak dikawal oleh AI kerana disebabkan oleh AI macam-macam perkara boleh berlaku dan memberi kesan buruk kepada mereka terutama menerusi permainan dalam media sosial itu.

Hadir sama pada program itu ialah Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Norhayati Abdul Rahman, Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak Edmund Shah Tambi, wakil Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya Dr Yusnita Ibrahim serta tetamu jemputan lain.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	DO NOT USE CHILDREN FOR POLITICAL CAMPAIGNS: MINISTER		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	17 NOVEMBER 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Do not use children for political campaigns: Minister

KUCHING: Children should not be used in political campaigns, especially during the 17th Sabah state election period, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She emphasised that the key role of parents is to ensure that their children are not exposed to activities that could negatively affect their future.

"The Malaysian Communications and

Multimedia Commission (MCMC) has repeatedly reminded all parties not to exploit this group in any form of digital content," she said.

Children should be given positive education, not used to criticise or condemn any political party, Nancy said after officiating at the Disability Equality Training Seminar and Job Coach Services here yesterday.

In another development, Nancy also shared

that the government, through various agencies, continues to strengthen education and advocacy programmes for children.

The Kasih Kanak-Kanak Programme has been implemented in 337 schools with the participation of 128,148 students, surpassing the initial target of 300 schools.

Additionally, programmes through the National Population and Family Development Board focus on reproductive health education

and character development, helping students understand their social responsibilities and make wiser decisions.

"All of this is essential to ensure that students avoid irresponsible behaviours, such as baby abandonment.

"Our goal is to help them grow into responsible individuals.

"Parents must also understand the purpose of these programmes," she said. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



| Nancy: Repair works on collapsed Telaga Air jetty to take five months

BY KENTIGERN MINGGU ON NOVEMBER 16, 2025, SUNDAY AT 1:21 PM

SARAWAK



Nancy fielding questions from reporters. — Photo by Kentigern Minggu

SANTUBONG (Nov 16): Repair works on the collapsed pontoon jetty at the Telaga Air Esplanade are expected to be completed within five months, said Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy, who visited the site earlier today with the relevant technical agencies, said the inspection followed numerous complaints from Kampung Telaga Air residents regarding the condition of the jetty, which serves as a vital route for villagers, including schoolchildren.

In her capacity as Santubong MP, she urged the relevant experts to expedite their report to prevent unnecessary delays to the remedial works.

“As an elected representative, I feel the urgency because when the people face difficulties, we are the ones they turn to. Residents rely on this jetty to travel to town and for their children to get to school.

“To ease their burden, we are providing food supplies so they do not need to travel to town as often.

“However, school and work journeys remain unavoidable, so we are taking the initiative to repair a temporary wooden jetty for use by students and villagers,” she told reporters after officiating the Disability Equality Training (DET) seminar and Job Coach Service Programme (PPJC) 2025 at the Sarawak Aminuddin Baki Institute here today.

During her visit prior to the programme, she was briefed by the Sarawak Department of Irrigation and Drainage (DID), Land Custody and Development Authority (LCDA), Public Works Department (JKR) Kuching Division, Padawan Municipal Council (MPP), and Sarawak Rivers Board (LSS).

“We have an approved allocation, but it was originally intended for another area of focus. Therefore, we require cooperation from the relevant departments to allow us to utilise the RM200,000 allocation for this emergency repair, if allowed,” she explained.

In a Facebook post today, Nancy stated that immediate efforts will be undertaken to restore the temporary wooden jetty as a safety measure while awaiting the completion of LSS's investigation into the damaged structure.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Noraini Hargai Sokongan Kepimpinan, Calon Wanita Ada Kekuatan Tersendiri

16 November 2025

Berita Lain, Berita Utama, PRN Sabah 2025

KALABAKAN, 16 Nov – Pengerusi Wanita Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menzahirkan penghargaan kepada barisan kepimpinan tertinggi Barisan Nasional (BN) yang memberi kepercayaan kepada lima calon wanita untuk bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-17.

Jelasnya, sokongan Pengerusi BN Malaysia, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin serta kepimpinan parti menunjukkan keyakinan terhadap kemampuan wanita membawa kemenangan dalam PRN kali ini.



"Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi BN Malaysia, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Bung Moktar serta semua kepimpinan parti yang memberi kepercayaan kepada lima calon wanita. Tiga calon adalah Ketua Wanita UMNO Bahagian yang bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-17.

"Saya melihat bahawa tokoh-tokoh ini sangat berpotensi untuk diketengahkan serta yakin mereka (calon) akan dapat memenangi pilihan raya ini. Mereka mempunyai kekuatan di setiap tempat dan paling penting adalah gerak kerja yang dilakukan Wanita tempatan dan juga yang membantu. Wanita sangat bersemangat dan mahu calon-calon ini menang di setiap DUN yang ditandingi dengan menang bergaya.

"Saya mohon kepada semua pengundi DUN Kukusan, undilah calon ini Chaya Sulaiman. Sememangnya beliau (Chaya) ada jasanya dan sekiranya dipilih menjadi wakil rakyat akan melaksanakan amanah dengan sebaik-baiknya serta akan membantu seramai rakyat di DUN Kukusan ini," katanya kepada UMNO Online.

Tambahnya, walaupun Chaya kalah sedikit undi pada PRN lalu dan sekarang ingin menebus maruah BN maka berharap pengundi DUN Kukusan memberi peluang kepadanya.

Mengulas lanjut, Noraini yang juga Ketua Wanita UMNO menjelaskan bahawa jentera wanita di setiap bahagian telah diberikan latihan yang teratur untuk membantu semua calon BN tanpa mengira kawasan.



"Jentera Wanita UMNO/BN berada di semua tempat kawasan tumpuan dan telah diberi latihan untuk membantu semua calon-calon BN. Kita percaya wanita UMNO/BN sebagai satu jentera yang setia, kuat semangat dan rajin serta mahu melihat BN kembali menjadi dominan di Sabah ini.

"Jentera ini harus bersepadu dan bukan hanya jentera wanita melakukan tugasannya, tetapi jentera-jentera lain diperlukan untuk pastikan mana-mana calon menang. BN mempunyai satu struktur malah struktur BN bukan hanya di atas saja tetapi lanya sampai ke akar umbi dan semua mempunyai peranan masing-masing."

Ujarnya, sekiranya semua menjalankan peranan, berpadu hati serta melaksanakan kerja bersama-sama maka kemenangan akan mampu dicapai. – UMNO Online

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SEPASANG suami isteri maut manakala bayi mereka terselamat dalam kemalangan maut membabitkan tiga buah kenderaan di Kilometer 54.5 Jalan Sungai Rengit-Kota Tinggi, petang tadi -Foto IHSAN POLIS

Suami isteri maut, bayi terselamat kemalangan tiga kenderaan

Oleh MASTURAH SURADI 16 November 2025, 8:14 pm

KOTA TINGGI – Sepasang suami isteri maut manakala bayi mereka terselamat dalam kemalangan membabitkan tiga buah kenderaan di Kilometer (KM) 54.5, Jalan Sungai Rengit-Kota Tinggi, di sini petang tadi.

Mangsa dikenali sebagai Muhamad Lokmanorhakim Mokhtar, 24, dan isteri, Nur Fatimah Othman, 28, disahkan meninggal dunia di lokasi akibat cedera parah di bahagian kepala.

Bayi mereka Nur Laylaa Batrysha yang berusia enam bulan cedera di kepala.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Yusof Othman berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai nahas melibatkan kereta Perodua Myvi, Toyota Vios dan lori Hino pada pukul 1.30 tengah hari.

“Kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta Perodua Myvi dipandu lelaki berusia 24 tahun hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan sebelum berlanggar dengan lori sawit tanpa muatan. Serpihan kemalangan turut mengenai Toyota Vios.

“Dalam kejadian itu, pemandu dan penumpang hadapan Perodua Myvi yang juga pasangan suami isteri mengalami cedera parah di kepala dan disahkan meninggal dunia di lokasi.

“Anak pasangan itu yang merupakan penumpang belakang cedera di kepala,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambahnya, pemandu lori mengalami kecederaan ringan, manakala pemandu Toyota Vios tidak cedera. Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : LELAKI MELAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK TIRI

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 17 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 01

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



DITAHAN: Suspek ditahan bagi membantu siasatan berkaitan amang seksual terhadap anak tirinya.

Lelaki melakukan amang seksual terhadap anak tiri ditahan

SARATOK: Seorang lelaki warganegara Indonesia telah ditahan kerana dipercayai telah melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar perempuan tingkatan empat dari sebuah sekolah menengah dekat sini.

Ketua Polis Daerah Saratok DSP Mathew Manggie berkata, lelaki tersebut juga merupakan bapa tiri kepada mangsa.

"Dalam kes tersebut, pada 12 Oktober 2025 bertempat di bilik tidur mangsa, suspek telah dilaporkan masuk ke bilik tidur

mangsa dan mencium mangsa tetapi tidak berjaya kerana telah ditepis oleh mangsa.

"Pada 19 Oktober 2025 suspek sekali lagi cuba memeluk mangsa secara paksa dan mangsa meronta sehingga berjaya melepaskan diri.

"Sehubungan itu, pada 13 November 2025 mangsa menghubungi bapa kandungnya dan mangsa telah disuruh membuat laporan polis kerana perkara ini sudah melampau dan siasatan segera perlu dilakukan," katanya kepada media semalam.

Berdasarkan laporan yang dibuat oleh mangsa, kata Mathew, pihak polis telah bertindak menahan suspek yang berusia 55 tahun tersebut.

Menurut Mathew, hasil siasatan awal telah mendapati mangsa tinggal bersama ibu kandung dan bapa tiri.

"Bapa tiri mangsa bekerja mencari sayuran hutan untuk dijual di Pasar Awam Roban setiap hari.

"Setelah ditangkap dan hasil soal siasat mendapati tiada pengakuan daripada suspek dan melalui

pemeriksaan lanjut ke atas telefon bimbit milik mangsa mendapati terdapat komunikasi seksual mesej suara yang dihantar melalui aplikasi WhatsApp seperti yang dinyatakan mangsa yang dihantar oleh suspek kepada mangsa.

"Berikutan itu, suspek telah ditahan reman di Balai Polis Saratok bagi proses siasatan dan kes ini akan disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (AKSTK) 2017 dan Seksyen 11 (1) AKSTK 2017," kata Mathew lagi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tindakan pantas guru selamatkan 50 kanak-kanak

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my



Anggota bomba berusaha mamadam kebakaran bangunan atas Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) Raudhatul Athfal. FOTO Rosli Ilham

Kemaman: "Saya bersama guru lain bergegas bawa semua keluar menyelamatkan diri," kata Nur Amyrah Salihah Mohd Yusoff, 28, selepas bangunan bahagian atas Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) Raudhatul Athfal, dekat sini, terbakar pagi tadi.

Katanya, dia bersyukur apabila 50 kanak-kanak di Pusat Asuhan terbabit selamat dalam kebakaran yang berlaku jam 10 pagi itu.

"Ketika kejadian 50 murid berusia empat hingga enam tahun sedang makan pagi selepas selesai sesi mengaji dan solat. Saya berada di bahagian dapur ketika penduduk yang melalui kawasan ini memaklumkan ruang atas bangunan terbakar.

"Bahagian atas yang menempatkan empat kelas dipenuhi asap tebal. Api menjulang tinggi dan marak menyambar sehingga merebak ke bahagian lain.

"Saya bersama tiga guru membawa murid-murid keluar menyelamatkan diri. Saya bersyukur kerana bahagian atas itu adalah ruang kelas belajar dan ketika kejadian kesemua pelajar berada di bahagian bawah.

"Kebakaran itu menyebabkan semua buku dan perabot hangus terbakar dan kami terpaksa bercuti buat sementara waktu," katanya.

Sementara itu, Komander Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kemaman, Penolong Penguasa Bomba, Saariah Hassan berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 10.08 pagi.

Menurutnya, seramai 18 anggota bomba dari Balai Bomba Kemaman dan Chukai bergegas ke lokasi kejadian sebelum melakukan operasi pemadaman.

"Bangunan separa kekal terbabit dianggarkan terbakar kira-kira 70 peratus dan kita mengambil masa selamat 15 minit untuk mengawal api daripada merebak," katanya.